



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 30 September 1966 &gt; Page 2 &gt; RUMAH UTK 6 KELUARGA YG DI-USIR

# RUMAH UTK 6 KELUARGA YG DI-USIR

Berita Harian, 30 September 1966, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL4881

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

# RUMAH UTK 6 KELUARGA YG DI-USIR

KAJANG, Khamis.

PEJABAT Daerah Ulu Langat telah membena enam buah rumah di-kawasan Sungai Ramal untuk menempatkan sa-ramai enam keluarga yang di-perentahkan pindah oleh mahkamah kerana mendudoki tanah orang lain.

Keluarga yang akan di-pindahkan itu ia-lah Che' Siram binti Malimbongso, berumur 60 tahun, Che' Sinah bin Tambi, berumur 48 tahun, Inche' Raft bin Arsad, 50 tahun, Inche' Ali bin Marjan, 50 tahun, Inche' Sinong bin Haji Karim, 55 tahun dan Inche' Marzuki bin Janah, 46 tahun.

Mereka telah mendudoki tanah itu kepunyaan Sungai Tangkas Estet sejak tahun 1921 ketika mereka menjadi buroh di-estet itu.

## Information



Newspaper:  
Berita Harian  
Date:  
30 September 1966  
Reel Number:  
NL4881

Share



## Table of Contents

&lt; Previous

Page 2

Next &gt;

### Setuju tubuhkan 'Tabong Pelajaran'

Setuju tubuhkan 'Tabong Pelajaran' MUAR, Khamis  
IjAJLIS Guru2 Besar, Kesatuan Kebangsaan Guru2

### Kelas belajar Mandarin

Kelas belajar Mandarin PULAU PINANG- Khamis. Su-  
buah kelas Mandarin untck rangJ Melayu akan di-buka

PERDANA Menteri, Tengku Abdul Rahman telah mengadakan satu majlis jamuan teh di-Residency petang semalam kerana memperingati hari

View Full Table of Contents

## Jual tanah

Pada tahun 1959, tanah itu telah di-jual kepada sa-orang guru sekolah bangsa India.

Pada masa tanah ini di-jual mereka di-benarkan menduduki tanah itu dengan membayar sewa \$5. sa-tahun sampai awal tahun 1965.

Keluarga itu telah diperentahkan oleh mahkamah pada 20 July 65 supaya meninggalkan tanah itu.

Keluarga ini telah merayu kepada Raja Nong Chik bin Raja Ishak Ahli Dewan Negeri Selangor kawasan Dingkil supaya Menteri Besar Selangor Dato' Harun Haji Idris memberi mereka tanah dan rumah murah.

## Di-beri tanah

Keluarga2 itu telah di-benarkan oleh Menteri Besar Selangor menduduki tanah itu hingga mereka dapat tempat kediaman baharu.

Raja Nong Chik menerangkan keenam2 keluarga ini telah di-beri tanah di-kawasan Sungai Ramal dan rumah murah di-bayar dengan chara beransor2.

Rumah2 itu sedang di-hena sekarang ini di-jangka akan siap pada penghujung bulan hadapan.






**DATO HARUN. . .** membenarkan menduduki tanah itu hingga dapat tempat kediaman baru

## Related Articles




No related article found.

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#)  [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29